



JABATAN PERIKANAN SABAH

Sabah Department of Fisheries

Ibu Pejabat Perikanan
Aras 4, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Tasik, Luyang (Off Jalan Maktab Gaya),
88624 KOTA KINABALU, SABAH
Tel.: 088-235966, 088-245489, 088-245490
No. Faks: 088-240511

Laman sesawang: <http://www.fishdept.sabah.gov.my>
Email: fish.dept@sabah.gov.my



Rujukan : Bil. JPIN 100-4/1 Klt.7
Tarikh : 25 Mei 2024

Semua Timbalan Pengarah Perikanan
Semua Ketua Penolong Pengarah Kanan
Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Penolong Pengarah Kanan
Semua Penolong Pengarah
Semua Penguasa Perikanan Daerah
Semua Ketua Cawangan
Semua Ketua Unit
Semua Ketua Stesen Perikanan

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING PENGARAH PERIKANAN SABAH BIL.3 TAHUN 2024 PENAMBAHBAIKAN KADAR TUNTUTAN PERJALANAN (TANPA RESIT) BAGI MENJALANKAN TUGAS RASMI

TUJUAN


1. Pekeliling ini bertujuan untuk menambah baik kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) semasa menjalankan tugas rasmi di dalam dan di luar negeri Sabah bagi Jabatan Perikanan Sabah.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa kini, kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) semasa menjalankan tugas rasmi di dalam dan di luar negeri Sabah adalah berdasarkan **Pekeliling Pengarah Perikanan Sabah Bil.2/2023** yang telahpun diedar pada **23 Februari 2023** yang lepas.
3. Namun begitu, berdasarkan semakan dan kajian Unit Penyemakan, Cawangan Akaun didapati terdapat beberapa tuntutan perjalanan (tanpa resit) pegawai dan kakitangan Jabatan ini yang dikemukakan adalah tidak seragam dan tidak munasabah terutamanya bagi tuntutan perjalanan **di bawah RM50.00/sehala**. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pembaziran peruntukan Jabatan.

..1/2

"SABAH MAJU JAYA"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT NO : QMS 02731



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT NO : QMS 02731



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT NO : QMS 02731

Bil.: JPIN 100-4/1 Klt.7
Tarikh: 25 Mei 2024

4. Oleh itu, pekeliling ini adalah penting sebagai usaha untuk menambah baik dan memperkemaskan lagi kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) semasa menjalankan tugas rasmi di dalam dan di luar negeri Sabah.

PENAMBAHBAIKAN KADAR TUNTUTAN

5. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Bil.1/2024 yang telah bersidang pada 17 Mei 2024, kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) semasa menjalankan tugas rasmi di dalam dan di luar negeri Sabah telah ditambah baik dan ditetapkan secara seragam seperti berikut:

JARAK PERJALANAN (kilometer @ km)	*KADAR TUNTUTAN (TANPA RESIT) (PERGI DAN BALIK) BAGI SESUATU PERJALANAN (A ke B atau B ke A)		*KADAR TUNTUTAN (TANPA RESIT) (PERGI - BALIK) BAGI SESUATU PERJALANAN
	PERGI (A – B)	BALIK (B – A)	
Kurang dari 5km (<5km)	RM20.00	RM20.00	RM40.00
5km hingga kurang dari 10km (5km - <10km)	RM30.00	RM30.00	RM60.00
10km hingga kurang dari 15km (10km - <15km)	RM40.00	RM40.00	RM80.00
15km hingga kurang dari 20km (15km - <20km)	RM45.00	RM45.00	RM90.00
20km hingga 25km dan ke atas (20km – 25km dan ke atas)	Tidak melebihi RM50.00	Tidak melebihi RM50.00	Tidak melebihi RM100.00

NOTA(*):

Dengan syarat, pegawai tidak menaiki kenderaan yang disediakan oleh Jabatan atau penganjur

../3

“SABAH MAJU JAYA”



Bil.: JPIN 100-4/1 Klt.7
Tarikh: 25 Mei 2024

6. Sebagai contoh, berikut adalah pernyataan tuntutan perjalanan dalam Borang JBN.01 (Pindaan) bagi tuntutan perjalanan pelbagai:

Tarikh	Perkara	Jumlah (RM)
2 Mei 2024	Tambang perjalanan (tanpa resit) dari Kg. Warisan, Inanam ke Dewan Wisma Wanita, Kota Kinabalu (pergi-balik) (1 hari) (Jarak perjalanan sehala = 13.4km)	80.00
16-19 April 2024	Tambang perjalanan (tanpa resit) dari D'Sri Gayang, Tuaran ke Auditorium, Perpustakaan Negeri Sabah (pergi-balik) (4 hari) (Jarak perjalanan sehala = 29.7km)	400.00
5 & 7 Jun 2024	Tambang perjalanan (tanpa resit) dari Kg. Pasir Putih, Putatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (pergi-balik) (2 hari) (Jarak perjalanan sehala = 4.5km)	40.00

PENGUATKUASAAN

7. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **25 Mei 2024**.

PERTANYAAN ATAU KEMUSYKILAN


8. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkaitan kandungan pekeling ini boleh dikemukakan kepada **Cawangan Akaun, Bahagian Khidmat Pengurusan**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KUALITI TERBAIK TONGGAK KECEMERLANGAN KAMI"



(AZHAR BIN KASSIM)

Pengarah Perikanan Sabah

AK/nr

"SABAH MAJU JAYA"

